MAJLIS ISLAM SARAWAK
;

# GARIS PANDUAN
# PENGIMARAHAN RAMADAN DI MASJID & SURAU
# SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) ATAU
# PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
# DI SELURUH NEGERI SARAWAK

~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~

Garis panduan ini dikeluarkan untuk dilaksanakan dalam Negeri Sarawak selaras dengan ketetapan semasa Majlis Islam Sarawak.

1. Aktiviti-aktiviti yang **DIBENARKAN** serta tempoh adalah seperti berikut:-

| BIL | AKTIVITI DIBENARKAN | CATATAN |
|---|---|---|
| i. | Solat Sunat Tarawih & Witir | **Dibenarkan**<br>• Tidak melebihi jam 10.00 malam. |
| ii. | Tadarus | **Dibenarkan**<br>• Satu jam sebelum solat fardhu Zohor & Asar.<br>• Selepas Solat Tarawih dan Witir sehingga jam 10.00 malam. |
| iii. | Qiamullail | **Dibenarkan**<br>• Bermula jam 4.00 pagi. |
| v. | Iktikaf | **Dibenarkan**<br>• Serentak dengan tempoh waktu aktiviti pengimarahan yang dibenarkan. |
~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~~

| BIL | AKTIVITI DIBENARKAN | CATATAN |
|---|---|---|
| vi. | Majlis Khatam Al-Quran | **Dibenarkan**<br>• Satu jam sebelum solat fardhu Zohor & Asar.<br>• Selepas solat Isyak tetapi tidak melebihi jam 10.30 malam dan tanpa jamuan (makanan berbungkus sahaja) |
| vii. | Sambutan Nuzul Al-Quran | **Dibenarkan**<br>• Mulai 30 minit selepas selesai solat Maghrib<br>• Tidak melebihi jam 10.30 malam<br>• termasuk solat Isyak, Ceramah/Tazkirah Khas, Solat Sunat Tarawih dan Witir<br>• tanpa jamuan (makanan berbungkus sahaja) |
| viii. | Kutipan Zakat Fitrah | **Dibenarkan**<br>• Serentak dengan tempoh waktu aktiviti pengimarahan yang dibenarkan. |
| ix. | Gotong-Royong Kebersihan | **Dibenarkan**<br>• Mengikut SOP Covid-19 tetapi tidak melebihi 50 orang peserta. |
| x. | Ziarah Kubur | **Dibenarkan**<br>• Mengikut SOP ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak atau Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB) masing-masing |
| xi. | Majlis Agihan Bantuan atau Sumbangan | **Dibenarkan**<br>• Mengikut SOP Covid-19 tetapi tidak melebihi 200 orang peserta dalam satu-satu masa |
| xii. | Gotong-Royong Bubur Lambok dan Persiapan Majlis Agihan | **Dibenarkan**<br>• Mengikut SOP Covid-19 tetapi tidak melebihi 15 petugas. |
| xiii. | Tazkirah Ramadhan | **Dibenarkan**<br>• hanya selepas solat maghrib sehingga azan Isyak (masuk waktu Isyak) |

| | | |
|---|---|---|
| xiv. | Kuliah Subuh | **Dibenarkan**<br>• Selepas Solat Subuh Sehingga Jam 7.30 Pagi |

2. Aktiviti-aktiviti yang **TIDAK DIBENARKAN** adalah seperti berikut :-

| BIL | AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN | CATATAN |
|---|---|---|
| **i.** | **Majlis Berbuka Puasa** | **Tidak Dibenarkan**<br>• Kecuali untuk 15 orang terdiri daripada JKP termasuk Pegawai Masjid dan petugas-petugas. |
| **ii.** | **Majlis Jamuan Moreh** | **Tidak Dibenarkan**<br>• Kecuali agihan makanan berbungkus untuk dibawa balik. |
| **iii.** | **Majlis Jamuan Sahur** | **Tidak Dibenarkan**<br>• Kecuali untuk 15 orang terdiri daripada JKP termasuk Pegawai Masjid dan petugas-petugas. |

3. Semua aktiviti yang dibenarkan hendaklah mengikut had jemaah yang ditetapkan iaitu :-

i. **Bilangan jemaah dengan mematuhi penjarakan fizikal (1 meter) berdasarkan had kapasiti ruang keluasan masjid atau surau** (termasuk kawasan yang lazim digunakan untuk solat dan kawasan yang difikirkan sesuai untuk solat oleh JKP);

ii. **Mana-mana bilangan yang ditetapkan dalam Perkara 1**; dan

iii. **Mana-mana bilangan had jemaah yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Islam Sarawak (jika ada).**

4. Garis panduan ini juga hendaklah dilaksanakan bersama dan selaras dengan

   i. Garis Panduan Pengimarahan Masjid/ Surau Di Kawasan Diisytihar Sebagai **Zon Merah Atau Dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB**) Di Seluruh Negeri Sarawak **(13 Januari 2021);** dan

   ii. Garis Panduan Pengimarahan Masjid/ Surau **Semasa Dan Selepas Tamat Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)** Di Seluruh Negeri Sarawak **(Pindaan 4 Disember 2020).**

5. Semua SOP COVID-19 hendaklah dipatuhi sebagaimana yang ditetapkan Lembaga Fatwa Negeri Sarawak, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB), Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

6. Majlis Islam Sarawak boleh mengubah atau meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.

7. Pemakaian garis panduan ini berkuatkuasa **sepanjang Ramadan 1442H** atau mana-mana arahan lanjut yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak.

**Arahan**
**Majlis Islam Sarawak**
**1 April 2021M bersamaan 18 Syaaban 1442H**